

BAB KELIMA:

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0. Rumusan Daripada Analisis Data

Setelah penulis meneliti dan mengkaji serta membuat analisis dari data yang terkumpul, penulis telah dapat membuat kesimpulan dan rumusan. Penulis dapati kebanyakan kesilapan yang dilakukan responden adalah dalam bentuk membezakan antara pola-pola KK, perubahan makna dengan penambahan huruf dalam KK serta perubahan KK dari sudut bilangan dan gender. Antara punca kegagalan responden dalam menguasai topik ini khususnya dan subjek ini amnya ialah melibatkan beberapa faktor.

i) Faktor utama merupakan faktor dalaman, iaitu sikap dan perasaan responden itu sendiri, kesedaran dengan kepentingan bahasa Arab dalam hidup dan masa depan serta motivasi diri. Tiada keyakinan dalam diri serta mudah lemah semangat dan rendah diri menyebabkan pelajar-pelajar hilang minat dan tumpuan untuk menguasai bahasa Arab, khususnya konsep-konsep pembahagian KK.

ii) Selain itu faktor luaran, seperti guru sebagai fasilitator, ibubapa sebagai penggalak dan '*defend*' atau orang yang mempertahankan anak mereka dari pengaruh luar dan pentadbir yang berfungsi merancang dan membiayai sesuatu projek amat penting dalam menjayakan proses pembelajaran dan pengajaran.

Dari kajian ini boleh dirumuskan bahawa tahap penguasaan KK pelajar terhadap pembinaan ayat bahasa Arab masih perlu di tingkatkan. Oleh kerana itu faktor-faktor yang telah disebutkan tadi harus bijak memainkan peranan masing-masing.

iii) Rumusan terakhir ialah pelajar-pelajar perlu didedahkan dengan kaedah pembelajaran yang lebih canggih kerana mengikut kajian yang dibuat oleh penulis (rujuk lampiran 1), tidak ramai yang berminat untuk menggunakan internet bagi mencari maklumat atau bahan bacaan dalam bahasa Arab. Lantaran itu pihak penggubal dasar dan kurikulum bahasa Arab khususnya bolehlah memainkan peranan mereka dengan lebih agresif lagi agar pelajar-pelajar agama dan bahasa Arab dapat menggunakan kecanggihan teknologi yang ada dalam proses pembelajaran mereka.

Selain itu kesilapan responden boleh dikesan melalui jawapan yang di berikan dari 50 soalan objektif yang dikemukakan. Penulis dapat merumuskan sikap responden yang memandang remeh kepada perkara-perkara asas dalam sesuatu topik atau sub topik seperti ta'rif dan konsepnya, kurang membuat latihan atau pengulangan (ulangkaji), malu bertanya serta tidak berani dan cekal dalam mencapai cita-cita. Disamping itu ada pelajar yang tidak boleh mengaitkan dan mempraktikkan apa yang dipelajarinya untuk digunakan dalam percakapan harian dan apatah lagi untuk menjawab soalan peperiksaan.

Lantaran itu, penulis berkeyakinan bahawa setiap penyakit ada ubatnya dan setiap masalah sudah tentu ada penyelesaiannya. Melalui kajian ini dan pengalaman penulis sendiri, penulis akan mengemukakan beberapa cadangan dan langkah-langkah mengatasi masalah dan kesilapan-kesilapan yang berlaku.

5.1. Cadangan

Pelbagai penyelesaian boleh dilakukan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Bagi penulis beberapa cadangan di bawah boleh dipraktikkan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Arab di sekolah.

5.1.1. Kepada pelajar;

i) Pelajar sepatutnya berasa bangga kerana telah mencapai satu tahap dan kebolehan dalam bahasa Arab yang tidak ada pada pelajar-pelajar sekolah menengah yang lain. Perasaan ini hendaklah dibawa sehingga ke luar sekolah sebagaimana bangganya pelajar-pelajar dan muda-mudi bercakap bahasa Inggeris di khalayak ramai. Apa yang kita lihat pada hari ini ramai individu yang berusaha untuk belajar bahasa Inggeris dan berusaha untuk bercakap dengannya. Tetapi berapa ramai pula pelajar sekolah Agama dan Arab yang cuba mengenengahkan bahasa Arab dalam masyarakat. Tanpa mereka sedari, hakikat sebenarnya masyarakat dan orang awam lebih terpegun dan kagum jika mereka mendengar ada kaum yang sejenis dengan mereka yang boleh bercakap bahasa Arab.

Pengalaman penulis bila bercakap bahasa Arab di khalayak ramai atau dalam satu-satu majlis seperti perhimpunan pagi, kursus dan sebagainya, telah menimbulkan kekaguman dan menarik perhatian awam. Ini menunjukkan bahawa sikap pelajar yang sentiasa berendah diri serta malu untuk menonjol, menyebabkan mereka gagal dalam membina kebolehan dan kelebihan yang sedia ada dalam diri mereka. Seandainya fenomena ini dapat diubah sudah tentu mereka akan dapat menggunakan *KK ma:di, muda:ri'* dan *amr* dengan betul pada tempatnya.

ii) Mohd Yunus Noor (1990 :33) menegaskan bahawa persediaan diri adalah satu aspek yang sangat penting untuk pembelajaran. Persediaan inilah yang memberi makna dan kesan kepada proses belajar. Antara perkara yang perlu disediakan ialah adakan tujuan untuk belajar, adakan matlamat pembelajaran, adakan kemahuan belajar untuk diri sendiri, dan adakan keadaan pemikiran yang tenang.

Kerana itu penulis berpandangan tanpa ada persediaan diri yang kuat para pelajar tidak akan mendapat apa-apa dalam pembelajarannya. Para pelajar perlu mengulangkaji fakta-fakta yang susah diingati seperti ta'rif dan contoh yang merupakan satu komponen utama dalam subjek nahu, khususnya dalam tajuk KK. Dengan mengulangkaji pelajaran, menjadikan pelajar-pelajar lebih bersedia untuk menerima pelajaran yang berikutnya.

iii) Disiplin diri juga memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan seseorang untuk mempelajari bahasa Arab .Tanpanya, kita tidak mungkin akan mencapai cita-cita, yang mana di waktu kita sedang belajar kita akan mengimbu dan terlintas dalam pemikiran kita pelbagai peristiwa dan cerita-cerita yang tak sepatutnya. Akhirnya kita akan leka dan tersilap dalam memahami sesuatu perkara.

Menurut Mohd Yunus Noor (1990: 51) lagi, dalam mendisiplinkan diri ini, ada beberapa langkah yang perlu diambil. Antara langkah-langkah tersebut ialah memulakan tugas secepat mungkin, menentukan tugas yang hendak dilakukan, menyediakan tempoh untuk melengkapkan tugas, belajar dalam masa yang ditetapkan, membahagi-bahagikan masa belajar, belajar di tempat paling sesuai dan menyediakan jadual belajar.

Pengalaman penulis yang sentiasa mendisiplinkan dirinya membuat nota selepas sesuatu topik nahu diajar di sekolah membuktikan ianya sangat berguna, sehingga sekarang ia masih lagi menjadi rujukan. Sememangnya apa yang kita pelajari di sekolah menengah teutamanya dalam subjek nahu adalah asas yang perlu dipegang selama-lamanya.

5.1.2 Kepada ibubapa

i) Ibubapa sebagai tulang belakang utama kepada anak-anak patut memberikan suntikan semangat dan nasihat . Tanpa ada dokongan , dorongan dan perhatian dari mereka, anak-anak akan merasakan apa yang mereka pelajari di sekolah tidak dihargai dan tidak bernilai. Apatah lagi bahasa Arab adalah bahasa asing dan kurang diguna pakai dalam masyarakat, tidak seperti bahasa Inggeris. Sebagai contoh, ibubapa boleh bertanya apakah maksud-maksud yang ada dalam bacaan solat. Secara tidak langsung ia boleh mengingatkan pelajar tentang apa yang mereka pelajari di sekolah. Sekurang-kurangnya berlaku satu proses pengulangan kepada subjek bahasa Arab itu sendiri.

ii) Ibubapa adalah penguasa yang sangat memainkan peranan penting dalam pemantauan mendisiplinkan anak-anak mereka. Ibubapa perlu memantau aktiviti dan jadual anak-anak mereka agar perancangan yang dibuat terlaksana dan berjaya. Sebagai penguasa, ibubapa perlu bertindak tegas tetapi lembut, menyuruh bukan memaksa, memantau bukan menyekat dan memberikan anugerah dan penghargaan bukannya menghukum dan mendenda.

Seseorang ibubapa perlu mempunyai beberapa kriteria dalam berusaha sedaya yang mungkin membantu anak-anaknya. Antara kriteria tersebut adalah penerimaan tanpa syarat terhadap tingkah laku anak-anak yang sedia ada, senang dihubungi (approachable), ketulenan (genuineness), kongruen (sehaluan), empati dan keterbukaan (openness). Selain itu para ibubapa juga perlu menunjukkan komitmen dan istiqamah dalam membantu dan melayani karenah atau luahan perasaan anak-anaknya (Ishammudin Hj. Ismail, 1998: 41)

5.1.3. Kepada Guru

i) Guru yang bermotivasi sahaja yang akan dapat membawa anak didiknya ke peringkat cemerlang. Seorang pendidik tidak boleh merasa putus asa dengan anak didiknya walau apapun pencapaian mereka dalam subjek bahasa Arab. Sebaliknya ianya hendaklah dijadikan pembakar semangat ke arah mendidik dengan lebih tekun dan gigih. Seorang guru yang tidak bermotivasi bagi pandangan penulis ibarat individu yang tahu tetapi tidak melakukannya. Menurut Abdul Gani Masrom (t.t : 17) Perbezaan antara mengetahui dan membuat adalah seperti lelaki dan perempuan. Kebanyakan kita tahu apa yang patut kita buat untuk mencapai impian kita masing-masing, tetapi kita mempunyai seribu satu alasan untuk tidak melakukannya. Kita tidak mempunyai wang ringgit yang mencukupi, tidak cukup masa, tidak ada kelayakan, tidak ada peralatan, tidak ada kesabaran, tidak ada keberanian dan pelbagai lagi alasan hinggalah ke penghujung dunia.

Lantaran itu seorang pendidik perlu ada motivasi dalaman yang kuat bagi menjamin pelajarinya berjaya dalam mencapai cita-cita. Walaupun para pelajarinya lemah untuk memahami satu-satu aspek dalam KK, sebagai contoh: membezakan jenis-

jenis KK. Guru tidak boleh mudah hilang semangat, sebaliknya hendaklah menggunakan pendekatan yang berbeza dengan menggunakan kaedah-kaedah yang baru.

ii) Seorang guru bahasa Arab perlu kreatif dalam menukar corak pengajaran dan pembelajaran samada di dalam bilik darjah atau diluar bilik darjah. Guru boleh menggunakan ABM dan pelbagai alatan canggih yang ada pada hari ini seperti komputer, CD ,internet ,telefon tangan yang berkamera dan majalah-majalah dalam bahasa Arab untuk menguatkan lagi daya ingatan mereka. Pendekatan kaedah (pedagogi pendidikan) mengajar bahasa juga perlu diubah suai. Konsep peta minda, banding beza, kuiz, syarahan, bercerita dan lakonan patut diterapkan. Penulis pernah memasuki pertandingan mencipta kaedah mengajar bahasa Arab anjuran Yayasan Islam Kelantan sempena hari yayasan pada tahun 2003. Penulis pernah mewakili zon 5 yang terdiri dari beberapa buah sekolah telah berjaya mendapat tempat pertama dalam pertandingan itu. Penulis bersama seorang sahabat telah mencipta satu kaedah mengajar nahu melalui progam power point dalam bentuk animasi.

iii) Tanpa ada matlamat yang jelas dan cita-cita, jalan yang dituju akan kabur dan sia-sia. Keadaan ini akan lebih parah lagi bila ada guru yang bersikap pesimis-sentiasa melihat kesulitan yang tidak diduga lebih dari peluang yang ada. Mengapa matlamat penting ?

‘ Sanggupkah anda duduk dalam keretapi atau kapal terbang tanpa mengetahui ke mana arah tujuan kenderaan tersebut? Jawapan yang pasti sudah tentu tidak. Jadi mengapa seseorang itu melalui kehidupannya tanpa mempunyai apa- apa matlamat? Pada cuaca panas yang baik, sebuah kanta pembesar yang kuat tidak akan menyalakan

api pada sehelai kertas jika kita kerap menggerakkannya. Jika kita fokuskan dan hanya memegangnya, kertas tadi akan terbakar. Inilah kuasa tumpuan’.

Shiv Khera (terjemah Aziah Saleh) (1999 : 174)

Oleh itu matlamat dan tumpuan memainkan peranan yang penting dalam menjayakan proses pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab, samada ingin membawa mereka ke gerbang menara gading atau tidak.

iv) Guru sebagai Fasilitator dan model kepada anak didiknya. Sebagai seorang pendidik yang profesional, guru hanyalah pembimbing dan pemudah cara yang menegur dan memperbaiki kesilapan pelajar, bukannya penghukum dan mencaci mereka bila mereka melakukan kesilapan. Guru juga sebagai model hendaklah menunjukkan contoh teladan yang baik. Hairunnaja dalam bukunya yang bertajuk ‘ memahami dan membimbing remaja nakal ada memetik kata-kata seorang sahabat iaitu Uthbah bin Abu Sufyan:

Uthbah bin Abi Sufyan pernah berwasiat kepada salah seorang guru anak-anaknya dengan berkata, “ Hendaklah tuan perbaiki anak saya seperti tuan memperbaiki diri tuan sendiri. Kesalahan anak-anak itu ada hubungannya dengan kesalahan tuan sendiri. Sesuatu yang baik menurut mereka adalah apa-apa yang tuan anggap baik, begitu juga dalam hal yang tercela.”

Hairunnaja Najmuddin (2005:91)

v) Guru juga hendaklah sensitif dan peka kepada kelemahan pelajar. Segala permasalahan dalam memahami sesuatu topik nahu hendaklah dikongsi dan diselesaikan bersama. Kemungkinan ada pelajar yang tidak faham, tetapi sikap malu dan segan

menguasai dirinya dan menghalangnya untuk bertanya. Dengan perkongsian ini akan menyebabkan permasalahan mereka akan terjawab secara tidak langsung.

5.1.4 Kepada Pentadbir Sekolah

i) Sebagai pentadbir yang ingin melihat anak didiknya cemerlang, adalah wajar menyediakan persekitaran yang kondusif dan menarik. Ianya bukan sahaja boleh menanamkan keyakinan pihak penjaga, bahkan para pelajar yang akan menjadikannya sebagai rumah kedua. Sepertimana yang sentiasa terpampang dan tertulis di bangunan sekolah :

Sekolahku rumahku

Penulis cukup berbangga dengan apa yang dilihat pada sekolah yang dibuat kajian. Penulis amat tertarik dengan suasana dan persekitaran sekolah tersebut yang kelihatan begitu tersusun serta dihiasi dengan pokok-pokok bunga, tulisan khat dan hiasan-hiasan dalaman yang menarik.

ii) Ada sekolah yang tidak mengambil tahu keadaan sekeliling dan kemajuan yang berlaku khususnya dalam bidang pendidikan. Perkembangan teknologi canggih yang begitu cepat pada hari ini menyebabkan ada pihak sekolah yang mengambil sikap tidak peduli. Kesannya ramai pelajar yang tercicir dan tidak mampu bersaing dengan pelajar-pelajar dialiran sekolah akademik yang lain. Amatlah wajar bagi pihak sekolah untuk mengambil tahu perkembangan semasa dengan menghantar guru-guru khususnya dan kakitangan yang lain untuk menghadiri seminar, kursus, bengkel dan mengadakan

perbincangan serta pertukaran maklumat demi meningkatkan kefahaman belajar bahasa Arab.

Pengalaman penulis pernah menjadi panel ujian lisan STAM di sebuah sekolah. Semasa penulis tiba untuk melawat pusat peperiksaan iaitu sehari sebelum ujian dijalankan, pihak pentadbir terkejut kerana mereka tidak tahu bahawa sekolah mereka dijadikan pusat peperiksaan tersebut. Bagi penulis, adalah amat mustahil pihak pentadbir tidak dimaklumkan. Sikap tidak ambil peduli dan leka dengan suasana yang tidak berfaedah menyebabkan mereka terlepas pandang dengan yang lebih penting. Sikap ini bukan sahaja menjatuhkan imej sekolah, bahkan kesannya ramai pelajar yang gagal dalam ujian tersebut, dengan alasan mereka tidak bersedia.

iii) Pelajar juga perlu diberi penghargaan dengan pelbagai cara, samada dalam bentuk sijil dan cenderahati. Ianya merupakan satu ransangan dan suntikan semangat kepada individu itu sendiri dan kawan-kawannya yang lain.

Dua faktor motivasi yang penting ialah pengiktirafan dan tanggungjawab. Pengiktirafan bermaksud dihargai; dihormati dan bermaruah; dan terasa diterima dalam satu-satu keadaan. Tanggungjawab memberikan seseorang perasaan sentiasa diterima dan diperlukan. Ia berperanan penting dalam organisasi yang besar. Kurangnya tanggungjawab boleh menjadikan seseorang itu tidak bermotivasi.

Shiv Khara (terjemah Aziah Saleh) (1999 : 174)

5.1.5 Kepada Pihak Berkuasa

i) Pada pandangan penulis pihak Kerajaan patut menambah peruntukan yang sedia ada bagi membantu pelajar-pelajar aliran agama dan Arab dengan menyediakan dana peruntukan yang khas bagi mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Kerajaan juga boleh menggalakkan badan-badan swasta seperti perhotelan, pelancongan dan perindustrian untuk menaja pelajar-pelajar ini sepertimana yang dilakukan kepada jurusan-jurusan lain seperti kedoktoran, mekanik, kejuruteraan dan lain-lain.

ii) Peluang pekerjaan yang luas dengan membuka jurusan bahasa Arab di setiap pusat pengajian tinggi akan menyebabkan tenaga pengajar bertambah. Ini secara tidak langsung boleh membuka peluang pekerjaan kepada siswazah-siswazah yang telah sedia ada.

iii) Kerajaan juga wajar membentuk satu badan yang khusus untuk mempromosikan bahasa Arab dalam masyarakat, kepentingan mempelajarinya dan kelebihan serta bayaran intensif kepada yang berkenaan. Usaha yang dilakukan oleh Menteri Besar Perlis patut dicontohi oleh semua pemimpin setiap negeri, katanya:

‘ Pengambilan ujian bahasa Arab bukannya wajib tetapi amat digalakkan kepada semua wakil rakyat Umno dan terbuka kepada dua wakil rakyat MCA di Perlis jika mereka berminat’.

Sebagai bukti beliau akan menyediakan kelas tuisyen percuma kepada setiap wakil rakyat dengan katanya lagi ;

‘ Tuisyen percuma dibuka kepada semua wakil rakyat dikendalikan tenaga pengajar profesional sebagai persediaan menghadapi peperiksaan.’

Dipetik dari Berita Harian :6 Februari 2006

Seandainya semua wakil rakyat di negeri beliau mengambil perhatian dan seterusnya menyahut cabaran tersebut kita dapat bayangkan betapa ramai lagi rakyat yang ada dibawah kepimpinannya akan menurut jejak pemimpin mereka. Seterusnya bahasa Arab akan mendapat tempat di kalangan masyarakat dan yang lebih penting lagi ianya akan menjadi satu bahasa ekonomi sepertimana bahasa Inggeris .

5.2. Penutup

Penguasaan KK di kalangan pelajar sekolah menengah agama masih lagi di tahap sederhana. Sewajarnya dengan kemajuan sains dan teknologi yang canggih dalam bidang pendidikan, sudah tiba masanya pelajar-pelajar sekolah agama juga khususnya dalam bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab menikmati dan mengecapi nikmat ini bersama. Faktor-faktor dalaman dan luaran menjadi punca kepada permasalahan. Faktor dalaman boleh dilihat dari sudut sikap lemah dan malas pelajar untuk mengulangi atau mengulangkaji tajuk-tajuk yang diajar dalam kelas dan kurangnya motivasi diri.

Ekoran daripada itu ramai pelajar yang tidak dapat mencapai tahap kejayaan yang sebenar, sebagaimana yang diketahui umum subjek nahu adalah salah satu subjek yang terendah peratus kelulusannya. Faktor luaran pula ialah tidak adanya sambutan atau tempat dalam masyarakat terhadap pembelajaran bahasa Arab.

Ini menyebabkan ramai pelajar tidak dapat mempraktikkan apa yang mereka pelajari di rumah dan dalam masyarakat. Sedangkan hakikat yang sebenarnya

pembelajaran bahasa asing adalah satu pembelajaran yang praktikal bukannya teori, apatah lagi pembelajaran bahasa Arab. Hasil daripada fenomena tersebut para pelajar kurang mendengar dan mempraktikkan bahasa Arab khususnya kata kerja.

Akhir sekali, melalui kajian ini penulis berharap ianya akan menjadi satu idea positif dan panduan kepada pendidik matapelajaran bahasa Arab untuk menyelesaikan kesilapan dan kepincangan yang berlaku dalam mengajar topik kata kerja khususnya dan bahasa Arab amnya. Sesungguhnya kajian ini bukanlah hanya untuk mencari kesalahan dan kecacatan serta mengira peratus tertentu, tetapi ianya merentas kepada cara penyelesaian dengan menggunakan pendekatan yang terbaik dan mengatur strategi perancangan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang terancang dan tersusun.